

PENILAIAN DAN KENYATAAN DARI VVIP, VIP, JEMPUTAN KHAS, AHLI DAN PEMERHATI

MESUARAT AGUNG PERTAMA

DEWAN TERAJU USAHAWAN DAN PENIAGA BUMIPUTERA JOHOR (DTUDPBNJ)

(petikan daripada PC group WhatsApp, pm tepi dan FB)

Penama / Peserta	Ucapan & Penilaian	Pandangan & Harapan
1. YB Mohd Hairi Bin Mad Shah EXCO Belia Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi Dan Sumber Manusia Negeri Johor.	Hari ini saya merasmikan satu badan NGO iaini Dewan Teraju Usahawan Dan Peniaga Bumiputera Johor (DTUDPBNJ) dan melihat ianya terdiri dari nama-nama besar dan tokoh usahawan berjaya di negeri Johor yang di terajui oleh YB Dato' Hj Ismail Karim selaku Presiden dan mampu menjadi mentor khususnya untuk usahawan muda dan usahawan perintis.	Dengan kewujudan Dewan Teraju ini saya percaya ia mampu untuk mewujudkan data PADU directory usahawan untuk rujukan kerajaan terutamanya jabatan, agensi, GLC, GILC, yayasan, koperasi serta gabungan NGO yang keterlibatan dalam industri keusahawanan.
2. YB Dato' Dr. Daing A Malek Bin A Rahaman Penasihat Kehormat 1	Mengucapkan syabas dan tahniah kepada Dewan Teraju sebagai kumpulan data niaga dan berjaya melaksanakan menyuarat AGM dengan penuh meriah dan gemilang.	Sampaikan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Tn Syed kerana telah mencetuskan idea dan pengasas awal Dewan Teraju serta barisan AMT terutama sahabat saya YB Dato' Hj Ismail Karim yang telah dilantik selaku Tn Presiden dan Tn Hj Zaini Atan selaku Naib Presiden untuk menerajui DTUDPBNJ serta ahli-ahli yang telah menjayakan majlis AGM tersebut.
3. YB Dato' Hj Ismail Bin Karim Tn Presiden	Tahniah diucapkan kepada barisan VVIP, VIP, AMT, jemputan khas, urusetia, ahli-ahli dan penaja serta semua pihak yang telah menjayakan majlis tersebut. Dengan penyertaan dari pelbagai golongan yang menyertai Dewan Teraju ini ia mampu berperanan sebagai berdaya fikir dan sering melengkapi untuk menutup segala kekurangan di samping mampu menjadi platform yang kuat khususnya untuk usahawan bumiputera.	Harapan saya akan lebih ramai lagi mantan-mantan penjawat awam dan usahawan turut menjadi ahli Dewan Teraju untuk bersama berkongsi kepakaran, pengalaman dan rangkaian. Di samping itu Dewan Teraju bercadang untuk membuat lawatan dan mewujudkan kerjasama dan rangkaian dengan kementerian, jabatan, agensi, GLC yang berkaitan.

<p>4. Tn Hj Zaini Bin Atan Timbalan Presiden</p>	<p>Ramai sahabat dan kenalan saya mengucapkan tahniah kerana melihat majlis AGM tersebut berjalan dengan lancar dan sangat meriah.</p> <p>Walau bagaimana pun saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Tn Syed Abd Hamid selaku Setiausaha Kehormat Dewan Teraju yang telah mencetuskan idea ini dan beliau mampu mengumpulkan ramai tokoh-tokoh usahawan dan peniaga di bawah satu bumbung. Malahan Dewan Teraju telah menjadi ikutan di kalangan usahawan terutama di Johor. Maklumat ini juga telah tersebar luas di seluruh Malaysia.</p>	<p>Saya mengharapkan Dewan Teraju mampu mewujudkan jihad ekonomi dan usahawan bumiputera perlu bergabung di bawah satu bumbung bagi memastikan kepentingan hak bumiputera terpelihara.</p>
<p>5. Jemputan VIP dan jemputan khas Terdiri daripada pengarah, timbalan dan pengurus jabatan, agensi, CLC, GILC.</p>	<p>Majoriti mengucapkan syabas kepada Tn Presiden dan Dewan Teraju.</p> <p>Menjemput Dewan Teraju untuk bekerjasama dengan jabatan dan agensi-agensi yang berkaitan terutamanya untuk program dan majlis.</p>	<p>Dengan kewujudan pelbagai biro di harap Dewan Teraju mampu berperanan sebagai platform utama dan boleh mewujudkan kerjasama dengan jabatan dan agensi kerajaan. Juga mampu menjadi <i>directory</i> usahawan untuk rujukan pihak kami untuk program-program yang akan datang.</p>
<p>6. YB Dato' Rahim Bin Nin Mantan Pegawai Kewangan Negeri Johor</p>	<p>Assalammualaikum. Setinggi tahniah di atas kejayaan mengadakan AGM Pertama dengan penuh gilang dan gemilang.</p> <p>Semoga terus berjaya sebagaimana hasrat murni yang di nyatakan.</p>	<p>Semoga Allah SWA memudahkan segala urusan dan perancangan.</p>
<p>7. Tn Hj Halid Bin Sono Kadi Besar Negeri Johor</p>	<p>Alhamdulillah dan tahniah di atas kejayaan mengadakan majlis AGM dengan jayanya.</p>	<p>Semoga Dewan Teraju akan terus berjaya menguatkan ukhwah dan pembangunan ekonomi Islam.</p>
<p>8. YBhg Datuk Hj. Abd Latif Bin Hj. Bandi Naib Presiden 2</p>	<p>Saya percaya dengan kepimpinan Tn Presiden YB Dato' Hj Ismail Karim merupakan Ahli Jumaah Majlis DiRaja Johor merangkap Presiden Bola Sepak Johor serta mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor (SS) yang berpengalaman luas untuk mentadbir sesuatu organisasi di samping Timbalan Presiden Tn Hj Zaini Atan selaku Presiden Majlis Penyelaras Gabungan NGO Melayu Negeri Johor juga berpengalaman luas dalam aktivis negeri Johor mampu memimpin</p>	<p>Penyertaan ramai tokoh mantan JCS dan tokoh usahawan yang berkaliber akan menguatkan lagi barisan kepimpinan Dewan Teraju seperti YB Dato' Dr. Daing A Malek A Rahaman selaku Ahli Jumaah Majlis DiRaja Johor dan Penasihat Kehormat 1, YB Dato Sri (Dr) Syed Hussein Alhabshee mantan Duta Malaysia ke Timur Tengah, YB Dato' Hj Mohd Halim Bin Hasbullah, Ahli Jumaah Majlis DiRaja Johor dan</p>

	<p>ahli-ahli ke satu landasan yang tepat dan lebih bersistem.</p>	<p>mantan Pengarah PTG, YBhg Datuk Hj Samat Aripin mantan EXCO Usahawan Dan Koperasi Negeri Johor, YB Dato' Sri Ibrahim Bin Ahmad mantan KP MARA, YBhg Dato' Capt. Hj. Jaffar Bin Lamri yang ternama di dalam bidang maritim dan laut dalam, Tn Hj Abd Razak Bin Mohd Yusoff, mantan Ketua Pegawai Eksekutif KPRJ dan Tn Hj Yusuf Ahmad mantan Pengarah Eksekutif Johor Land Berhad akan lebih menguat dan mengukuhkan lagi serta melengkapi jika ada sebarang kelemahan mampu di atasi.</p>
9. Pn Najwa Halimah Ab Alim Naib Presiden Wanita 2 Merangkap Ketua Biro Dewanita	<p>Syabas dan tahniah Abg Arab kerana berjaya mengumpulkan semua usahawan bumiputera tanpa mengira kepartian di bawah satu bumbung.</p>	<p>Dengan barisan kepimpinan yang sedia ada saya percaya Dewan Teraju mampu menjadi platform dan mentor utama untuk usahawan bumiputera negeri Johor serta menarik lebih ramai usahawan wanita untuk menyertai Dewan Teraju.</p>
10. YB Dato' Sri Ibrahim Bin Ahmad AMT Mantan KP MARA	<p>Saya terpanggil untuk menyertai Dewan Teraju bukanlah untuk pangkat dan perjawatan atau sebarang kepentingan tetapi kerana di seru oleh Tn Presiden YB Dato' Hj Ismail Karim dan Tn Syed untuk turut sama keterlibatan di dalam Dewan Teraju.</p> <p>Saya sudi untuk turut sama kerana saya lihat ramai sahabat yang saya kenali terutama Tn Penasihat Kehormat 1, YB Dato' Dr. Daing A Malek A Rahaman, YBhg Datuk Hj. Samat Bin Aripin, YBhg Datuk Hj Latif Bandi, En. Mohd Ridza Abdul Latiff, Tn. Hj. Md Noh Bin Md Sam dan lain-lain tokoh usahawan yang terlibat di dalam Dewan Teraju.</p>	<p>Sebagai mantan KP MARA saya sudi mengkongsi kepakaran dan pengalaman yang boleh di manfaatkan oleh ahli-ahli Dewan Teraju serta usahawan dan peniaga negeri Johor.</p> <p>Harapan saya Dewan Teraju mampu menjadi platform utama untuk usahawan dan peniaga bumiputera serta berperanan sebagai “think tang” kepada kerajaan serta agensi-agensi yang berkaitan.</p>
11.Tn Hj Sidek Bin Paiman AMT merangkap Ketua Biro Professional & Jururunding	<p>Tahniah dan syabas kepada barisan kepimpinan Dewan Teraju yang mantap dan juga Tn Syed yang berjaya menggabungkan pelbagai tokoh golongan mantan-mantan JCS, usahawan dan peniaga bumiputera negeri Johor.</p>	<p>Sejajar dengan kata motto Dewan Teraju Usahawan Johor “Peneraju Nadi Usahawan Johor”.</p>

<p>12. YBhg Dato' Capt. Hj. Jaffar Bin Lamri AMT merangkap Ketua Biro Maritim & Laut Dalam</p>	<p>Alhamdulillah Mesyuarat Agung Pertama Dewan Teraju Usahawan Dan Peniaga Bumiputera Negeri Johor berjalan dengan lancar, meriah dan sempurna.</p> <p>Tahniah kepada YB Dato' Hj Ismail Karim atas perlantikan sebagai Presiden, Tn Hj Zaini Atan sebagai Timbalan Presiden dan semua barisan AMT yang terpilih bagi mengemudi DTUDPBNJ kepada kejayaan.</p>	<p>Tahniah juga kepada SU Kehormat Tuan Syed dan Team Sekretariat yg berkerja keras mengatur dan menguruskan Majlis & AGM dengan sempurna, semoga jasa semua mendapat balasan lebih baik dari Allah.</p> <p>Selamat Berkhidmat</p>
<p>13. Dr. Ahmad Ambok Bin Selok Timbalan Ketua Biro Maritim Laut Dalam</p>	<p>Tahniah dan syabas. Dalam tempoh 2 bulan sahaja Dewan Teraju telah berada di tahap ini dan saya melihat ianya di barisi oleh tokoh-tokoh pemimpin dan usahawan yang berkaliber serta mampu mengemudi Dewan Teraju dengan lebih mantap, aktif dan progresif.</p>	<p>Alhamdulillah. Semoga DEWAN TERAJU, mengemudikan Agenda Bangsa, Agama dan Negara</p>
<p>14. Pn. Betty Ibtisam Binti Abu Bakar Banafee Ketua Biro Perfileman & Dokumentari</p>	<p>Tahniah saudara ana beb, Arab Ligat yang telah berjaya menjadikan Dewan Teraju sebagai satu gabungan dan kumpulan yang kuat dan mantap terdiri dari tokoh-tokoh dan nama-nama besar negeri Johor.</p>	<p>Ramai usahawan-usahawan luar Johor menyatakan kepada ana untuk berjumpa dan bekerjasama dengan Dewan Teraju terutama yang melibatkan program / aktiviti perfileman dan dokumentari.</p>
<p>15. YBhg Datin Nurhayati Binti Hj Ramlan Ketua Biro Spa, Kecantikan & Andaman</p>	<p>Tahniah dan syabas kepada Tn Syed yang berkhidmat tanpa mengira masa dan gigih bagi memastikan Dewan Teraju berada di satu tahap yang mampu berfungi dengan manggabungkan tokoh-tokoh besar di dalam bidang usahawan negeri Johor.</p>	<p>Saya percaya dengan barisan AMT, Ketua & Timbalan Ketua Biro sedia ada memang selayaknya sebagai pemimpin dan peneraju "Nadi Usahawan Johor".</p>
<p>16. Tn. Hj. Ahmad Nizam Bin Ahmad Ketua Biro Pelancongan</p>	<p>Tahniah kepada Tn Arab dan barisan AMT. Walaupun saya tidak sihat, saya kuatkan diri dan semangat untuk turut bersama berkongsi idea, kepakaran dan pengalaman terutama untuk memerculkan semula industri pelancongan negeri Johor.</p>	<p>Saya percaya dengan kepimpinan yang di terajui Tn Presiden YB Dato' Hj Ismail Karim selaku mantan SS yang berpengalama luas dalam urusan kerajaan, Tn Hj Zaini Atan yang dikenali sebagai aktivis NGO, YBhg Datuk Hj. Samat Bin Aripin serta YBhg Datuk Hj Latif Bandi yang berpengalaman luas dalam urusan perumahan dan kerajaan tempatan serta barisan Ketua dan Timbalan Ketua Biro yang berpengaruh dan berpengalaman mampu sebagai mentor dan platform</p>

		<p>utama usahawan dan peniaga khususnya di negeri Johor untuk memperkembangkan dan meluaskan perniagaan bagi menghadapi cabaran yang lebih global.</p>
17. Tn Hj Md Noh Bin Md Sam Ketua Biro Food & Beverage (F&B)	Tahniah dan syabas kepada Dewan Teraju terutama kepada Tn Syed sebagai nadi dan penggerak utama Dewan Teraju. Sesuai dengan gelaran "Arab Ligat".	Saya penuh yakin Dewan Teraju mampu menjadi <i>mentor, platform, guide line, check & balance</i> serta main centre khususnya kepada usahawan dan peniaga bumiputera negeri Johor.
18. Tn Hj Rasyid Ab. Hamid Timbalan Ketua Biro Food & Beverage (F&B)	Salam, Setinggi-tinggi TAHNIAH saya ucapkan kepada Tn. Syed sebagai pencetus idea Dewan Teraju kerana sebenarnya atas kerja keras Tn Syed, AMT dan urusetia maka tertubuhnya persatuan ini. InsyAllah.	Alhamdulillah, Hanya Allah yang dapat membala jasa Tn. Syed untuk pembangunan ekonomi ummah. Semoga Dewan ini menjadi pemangkin dan peneraju untuk jihat ekonomi Umat Melayu Islam.
19. Cik Hjh Nor Akmal Binti Muhammad Ketua Biro Industri Kecil Sederhana (IKS) (petikan dari FB)	Tahniah dan syabas kerana telah tercipta satu sejarah dan landasan pemerkasaan ekonomi bumiputera negeri Johor yang telah di realisasikan melalui kejayaan penubuhan Dewan Teraju yang di pimpin oleh YB Dato' Hj Ismail Karim yang telah di pilih sebagai Tn Presiden untuk memacu hala tuju organisasi DTUDPBNJ.	<p>Wujudnya Dewan Teraju ini dan mampu menjadi wadah perjuangan serta meja muafakat "tanpa mengira kepartian" bersama bertindak sebagai daya pemikir ke arah mempertabatkan keusahawanan negeri Johor.</p> <p>Marilah kita semua mendoakan agar Dewan Teraju akan menjadi penggerak, pemangkin dan kecemerlangan pembangunan ekonomi bumiputera khususnya negeri Johor DT.</p>
20. Prof (B) Dr. Mohammed Selamat Bin Madom Timbalan Ketua Biro Perniagaan & Perikanan	<p>Tahniah kepada semua di atas penganjuran dan perlaksanaan majlis AGM Dewan Teraju yang sangat gemilang.</p> <p>Saya yakin Dewan Teraju akan mampu berdaya maju dan berdaya saing sebagai mana terungkap dalam matlamat dan hala tuju DTUDPBNJ.</p>	Alhamdulillah, Semoga Dewan Teraju mampu mengemudi agenda bangsa, agama dan negara.
21. En. Razali Bin Mohamed Rasip Timbalan Biro Pemborong & Peruncitan	Tahniah dan syabas kepada Tn Arab Ligat yang telah berjaya mencipta idea dan sejarah kerana telah berjaya menggabungkan pelbagai golongan serta aktivis NGO yang hebat dan mantap.	Dengan barisan pemimpin AMT yang mantap dan kewujudan 33 biro /portfolio, ia mampu mencetuskan pelbagai peluang dan rangkaian serta mampu menjadi "speakers" membawa

		pelbagai usul dan cadangan kepada kerajaan terutama yang melibatkan isu dan permasalahan usahawan bumiputera negeri Johor.
22. Tn Hj Abdullah Pengerusi Persatuan Penjaja, Peniaga Dan Pengusaha Industri Kecil Melayu Johor Bahru.	Syabas dan tahniah.	Semoga Dewan Teraju mampu memecu pembangunan ekonomi dan keusahawanan bumiputera.
23. Pandangan ahli-ahli Dewan Teraju dan pemerhati.	<p>Tahniah dan syabas. Mantap. Mempunyai barisan kepimpinan dan tokoh yang bernama besar dan usahawan berjaya dalam pelbagai bidang.</p> <p>Kami menilai Dewan Teraju ini mampu menggabungkan pelbagai golongan yang terdiri daripada mantan-mantan pegawai JCS, mantan-mantan pegawai agensi kerajaan yang berpengalaman dalam pelbagai portfolio dan menggabungkan pelbagai aktivis NGO di bawah satu bumbung.</p>	Di harap dengan kewujudan Dewan Teraju ini bukan sahaja mampu mewujudkan kerjasama, rangkaian dan peluang pemasaran malahan di harap mampu menjadi “kumpulan pendesak” dan “speakers” terutama dalam memperjuangkan nasib dan hak-hak bumiputera.